



**DR. MIMI Sakinah Abdul Munaim menunjukkan hasil penyelidikan gula daripada habuk kayu pada majlis meraikan dan kemenangannya pada BIS 201.**

**DIBERI** ucapan tahniah oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim (kanan) dan TNC UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus

# Saintis wanita memburu kejayaan

## **Prof. Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim**

- Tarikh lahir: 21 Julai 1977
- Tempat lahir: Melaka
- Taraf perkahwinan: Berkahwin dan mempunyai empat anak.

### ● **Pendidikan:**

- Doktor Falsafah (Kejuruteraan Bioproses), Universiti Teknologi Malaysia.
- Sarjana Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia
- Sarjana Muda (Kejuruteraan Kimia), Universiti Teknologi Malaysia.
- Diploma (Kejuruteraan Kimia), Universiti Teknologi Malaysia.

### ● **Pengalaman kerjaya:**

- Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2008- kini)
- Timbalan Dekan (Akademik & HEP), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2008-2010)
- Timbalan Dekan (R&D dan Pascasiswazah), Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2008-2008)
- Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2005-2008)
- Jurutera Pengajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, UMP (2003-2005)
- Jurutera, Yamauchi (M) Sdn Bhd (2000-2002)

### ● **Anugerah (antaranya) :**

- Anugerah khas Emas Berganda Inovasi Tahun Ini (Kategori Industri) pada Pameran Teknologi Inovasi dan Reka Cipta British (BIS) 2010 - Sebagai Ketua Projek Penghasilan Sorbitol Daripada Biomas Menggunakan Pendekatan Teknologi Hijau.
- Anugerah Khas Reka Cipta Terbaik Wanita Pada Pameran Teknologi Inovasi dan Reka Cipta (ITEX) 2010.
- Anugerah Cendekia Bitara (Kategori Produk Penyelidikan 2008).
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2008.



**M**ENGUNGKAP secara ringkas mengenai kejayaan pensyarah muda ini, rasanya tidak cukup untuk berkongsi semua pencapaian yang diterima setakat ini sebagai penyelidik di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Beliau yang dimaksudkan ialah Prof. Madya Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim yang mengecapi banyak kejayaan yang wajar dicontohi penyelidik muda.

Beliau yang banyak terlibat dalam penyelidikan dan menerima pelbagai anugerah berkata, kerjaya seorang pensyarah bukan sahaja tertumpu kepada pengajaran dan penyelidikan tetapi meliputi penyelidikan dan penerbitan, perundingan dan kepakaran, khidmat masyarakat serta pentadbiran.

“Daripada pengalaman saya, penyelidikan merupakan tonggak kejayaan seorang pensyarah.

“Ini kerana, daripada penyelidikan yang telah dijalankan, ia dapat membantu saya menghasilkan artikel untuk diterbitkan, paten serta mendapatkan geran bagi menjalankan penyelidikan,” ujarnya kepada *Mega*.

Beliau juga tidak menafikan bahawa penyelidikan yang dijalankan juga dapat membantunya semasa pengajaran dalam kelas dan penyelidikan siswazah.

Beliau masih terasa dengan kejayaan menerima anugerah

## Cabaran yang paling besar bagi saya ialah untuk mendapatkan geran penyelidikan. Ini kerana tanpa geran, maka penyelidikan tidak dapat dijalankan

terbesar dalam hidupnya setakat ini iaitu Pereka Cipta Terbaik Wanita Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO) pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa Ke-21 (ITEX 2011) tahun 2010 tetapi tidak mahu berhenti setakat itu sahaja.

Dalam pada itu beliau menegaskan, apa juga produk penyelidikan yang dihasilkan di makmal perlu dikomersialkan supaya mendapat faedah masyarakat.

“InsyaAllah, dalam perancangan saya, saya ingin memperkembangkan produk penyelidikan saya ke arah pengkomersialan.

“Walaupun ia bukan mudah untuk dicapai, namun saya akan cuba sedaya upaya ke arah itu,” katanya.

Bagi mengkomersialkan sesuatu produk, beliau berkata, kajian terperinci perlu dijalankan agar produk yang dihasilkan lebih berkualiti.

Selain itu, beliau juga akan memperhebatkan kerjasama dengan

pihak industri melalui projek-projek kecil yang sesuai diadaptasikan oleh pelajar sarjana muda bagi memajukan lagi pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) UMP.

“Cabaran yang paling besar bagi saya ialah untuk mendapatkan geran penyelidikan. Ini kerana tanpa geran, maka penyelidikan tidak dapat dijalankan.

“Tiada penyelidikan, maka tiada penerbitan jurnal, tiada paten dan tiada pelajar siswazah.

“Penghasilan kertas kerja yang berkualiti menentukan kejayaan mendapatkan geran penyelidikan. Untuk menghasilkan kertas kerja yang berkualiti, memerlukan pengetahuan yang mendalam mengenai projek tersebut terutamanya dari segi metodologinya,” ujarnya lagi.

Mengenai resipi kejayaan yang dikecapi setakat ini, Dr Mimi Sakinah menegaskan pengurusan masa yang efektif banyak membantunya dalam menentukan kejayaan, yang dicapai sekarang.

“Pengurusan masa yang efektif amat penting bagi diri saya memandangkan saya tiada pembantu rumah.

“Di rumah, saya memegang prinsip ‘first thing first’ bermakna saya akan mengutamakan perkara-perkara yang asas seperti makan minum, pakaian, pelajaran, kesihatan anak dan juga suami.

Di pejabat pula saya merancang aktiviti-aktiviti harian saya sepanjang tahun mengikut keperluan dan keutamaan masing-masing.

“Pembahagian masa antara



penyediaan pengajaran, penyeliaan, penyelidikan serta perundingan amat penting bagi menentukan kestabilan kerja saya di pejabat," kata beliau.

Sebagai seorang pelajar, kecemerlangan dari segi akademik, kurikulum dan ko-kurikulum di peringkat nasional dan antarabangsa secara tidak langsung menaikkan nama universiti.

Sebagai seorang pensyarah, kejayaan dalam penyelidikan (sebagai contoh penulisan artikel dalam jurnal yang berimpak tinggi) merupakan salah satu faktor dalam menaikkan nama universiti khususnya pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Di tanya pandangan beliau mengenai dunia penyelidikan di Malaysia, Dr. Mimi Sakinah berkata, ia sedang meningkat meskipun masih jauh jika dibandingkan dengan penyelidikan di negara-negara maju.

Salah satu faktor yang mempengaruhinya adalah hubungan penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara universiti dan industri masih longgar dan ini menyebabkan kesukaran dalam membangun dan mengkomersialkan sesuatu produk penyelidikan.

# Minat jadi kerjaya

DR. JUANITA Joseph terbabit dalam penyelidikan penyu kerana minatnya yang mendapat terhadap spesies berkenaan.



PENYELIDIK muda dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kuala Terengganu, Dr. Juanita Joseph, memilih kerjaya sebagai penyelidik kerana minatnya mendalam dalam bidang berkaitan alam sekitar.

Apatah lagi ayahnya merupakan seorang guru yang menjadi teladan kepada beliau untuk berkecimpung dalam bidang biologi marin khususnya pemuliharaan penyu.

Oleh itu, pengalaman menyeronokkan Dr. Juanita sebagai penyelidik lebih kepada orientasi kajiannya yang menjurus kepada pemuliharaan spesies penyu.

“Pengalaman yang sukar dilupakan adalah apabila saya perlu ke pulau-pulau di seluruh Asia Tenggara untuk mengutip sampel genetik penyu untuk kajian doktor falsafah (PhD) saya.

“Sudahlah pulau tersebut jauh dan terpencil, kebanyakan pekerja di situ adalah lelaki. Namun saya bersyukur semua berjalan lancar dan selamat.

“Pengalaman ini telah mengajar saya bahawa tiada apa yang mustahil kerana

yang penting kita perlu bekerja keras, bijak dan jangan berputus asa,” ujarnya.

Mengena kerjaya penyelidik, beliau berkata, cabaran yang perlu ditempuhi memang banyak tetapi paling utama ialah setiap penyelidikan tersebut perlu mematuhi *deadline* dan perlu menyiapkan satu-satu tugas pada tempoh yang tertentu.

Selain itu, kajian yang dijalankan mestilah diiktiraf oleh saintis lain dan apabila kajian selesai, laporan saintifik perlu disiapkan dan ini merupakan perkara yang agak susah.

“Ramai penyelidikan oleh saintis Malaysia sangat baik, tetapi kelemahan dalam penulisan jurnal berimpak tinggi membuatkan kajian tersebut tidak diketahui di peringkat antarabangsa,” ujarnya lagi.

Menurutnya, penyelidik mestilah sentiasa mempelajari sesuatu yang baru. Jika tidak, mereka akan ketinggalan dan kajian yang dijalankan adalah sia-sia.

Oleh itu kata Dr. Juanita, adalah penting untuk penyelidik mempunyai

kumpulan yang hebat dan perlu bekerjasama dengan penyelidik senior.

Beliau yang juga bertanggungjawab menyelia pelajar sarjana memberitahu, kariernya bermula di UMT sebagai tutor pada 2002 hingga 2006, dan telah dihantar ke United Kingdom untuk menyambung pelajaran di peringkat doktor falsafah (PhD).

Pada Jun 2006, beliau tamat pengajian PhD. dan memulakan karier sebagai pensyarah di Jabatan Sains Marin, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM), UMT.

Selain pensyarah, pada masa itu beliau juga menjalankan penyelidikan genetik penyu, genetik kuda laut dan *pipefish*.

Pada Mei 2009, beliau dilantik sebagai Ketua projek Unit Penyelidikan Penyu Laut (SEATRU), UMT.

Pada bulan September 2010, UMT merasakan SEATRU banyak mengharumkan nama universiti dan beliau telah dinaikkan pangkat ke Ketua Stesen Penyelidikan Chagar Hutang dan Stesen Penyelidikan Setiu Wetlands.